

إنما
يُنْشَى
الله
مِنْ
بِرَادِهِ
العلماء

Volume 20, No. 1 February 2023

JOURNAL OF

Islam in Asia

A Refereed International Biannual Arabic – English Journal



Journal of Islam in Asia

SPECIAL ISSUE: ISLAMIC CONTEMPORARY RESEARCH

Selected Papers from the International Conference on Islamic
Contemporary Studies and Management 2021 (ICICM2021)

EDITOR-in-CHIEF

Abdul Salam @ Zulkifli B.Muhamad Shukri

EDITOR

Noor Azlan B. Mohd Noor

ASSOCIATE EDITOR

Homam Altabaa

GUEST EDITORS

Homam Altabaa

Mohd Aizul B. Yaakob

Mohammad Dhiya'ul Hafidh B. Fatah Yasin

Raudlotul Firdaus B. Fatah Yasin

Kamel Ouinez

COPY EDITOR

Nur Mashitah Wahidah Bt. Anuar

EDITORIAL ADVISORY BOARD

LOCAL MEMBERS

Abdel Aziz Berghout (IIUM)
Muhammed Mumtaz Ali (IIUM)
Nadzrah Ahmad (IIUM)
Rahmah Bt. A. H. Osman (IIUM)
Sayed Sikandar Shah (IIUM)
Saidatolakma Mohd Yunus (IIUM)
Thameem Ushama (IIUM)

INTERNATIONAL MEMBERS

Abdullah Khalil Al-Juburi (UAE)
Abu Bakr Rafique (Bangladesh)
Anis Ahmad (Pakistan)
Fikret Karcic (Bosnia)
Muhammad Al-Zuhayli (UAE)
Zafar Ishaque Ansari (Pakistan)

Articles submitted for publication in the *Journal of Islam in Asia* are subject to a process of peer review, in accordance with the normal academic practice.

© 2023 by **International Islamic University Malaysia**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, translated, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior written permission of the publisher.



E-ISSN: 2289-8077

Tinjauan Penerapan Konsep Etika dan Peradaban Dalam Pdp Secara Atas Talian

An Analysis of the Role of Ethics and Civilization in PDP Online

Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob,* Nor Musfirah Mohamad,**
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin,*** dan Muhammad Dhiya'u'l
Hafidh Fatah Yasin****

Abstrak

Etika dan peradaban penting dalam sesebuah masyarakat supaya berkeperibadian tinggi , saling menghormati, hidup harmoni dan membina negara bangsa. Adab merujuk kepada pekerti, tingkah laku dan bahasa yang dituturkan dengan tertib. Istilah etika, sebenarnya masih merujuk kepada konsep yang sama berkaitan adab, adat istiadat dan adat resam. Cuma istilah ini datang dan dibawa oleh kolonial dan kekal dalam zaman pasca-kolonial atau zaman moden ini. Sebelum Covid-19 melanda Malaysia, pelajar diwajibkan ke bilik kuliah untuk proses pembelajaran. Akibat Covid-19, pelajar perlu berada di rumah masing-masing untuk mencegah penyebaran Covid-19 di Malaysia. Pelajar perlu belajar secara atas talian dan jalan yang terbaik untuk meneruskan pengajian masing-masing.

* En, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis. Email: syarbaini@kuips.edu.my

** Pn, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis. Email: musfirah@kuips.edu.my

*** En, Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis. Email: muthi@kuips.edu.my

**** Dr, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis. Email: dhiya@kuips.edu.my

Kata Kunci: Etika, Peradaban, PdP, Atas Talian.

Abstract

A society needs people with high moral standards and a high level of civilization if its members are to respect one another, live in peace, and work together to establish a nation. In Arabic, the word "adab" means "properness," which encompasses one's demeanour, style of speech, and manner of expression. Ethics still means the same thing today: morality as understood by society. To be clear, colonialism is ultimately responsible for the introduction and continued use of this phrase in the modern or post-colonial era. Students in Malaysia were once compelled to attend lectures before the arrival of Covid-19. Covid-19 has been detected in Malaysia, and students have been advised to stay home to stop its spread. It is essential for students to learn how to maximise their time spent studying online.

Keywords: Ethics, Civilization, PdP, Online.

Pengenalan

Kemunculan coronavirus di seluruh dunia secara dramatik mempengaruhi semua aspek kehidupan sehari-hari dan menyebabkan institusi pengajian tinggi bergerak ke arah pembelajaran jarak jauh. Pada 6 Mac 2020, Universiti Washington menjadi universiti pertama yang membatalkan kelas secara langsung (Thomason 2020) Pertubuhan Kesihatan Sedunia menetapkan COVID-19 sebagai wabak global pada 11 Mac 2020. Institusi Pendidikan tinggi mengambil inisiatif menutup universiti mereka dan mengumumkan mandat untuk beralih ke pendidikan hanya dalam talian untuk melindungi kesihatan dan keselamatan pelajar, staf, dan fakulti sebagai tindak balas kepada pandemik tersebut. Acara universiti, sukan, upacara graduasi, program belajar di luar negara, dan perhimpunan besar lain dibatalkan kerana masyarakat umum disarankan untuk berlindung dan menghadkan hubungan dengan individu di luar kediaman mereka. Pelajar perlu menyesuaikan diri untuk cepat bertindak balas terhadap situasi seperti itu dengan bersiap sedia belajar cara baru iaitu pembelajaran jarak jauh (Ghebreyesus, 2020).

Panduan tingkah laku mahmudah adalah wajar bagi pendidikan untuk menegaskan kepada pelajar dan memastikan persekitaran pembelajaran maya yang kondusif untuk semua pelajar. Contohnya, penghinaan antara kaum dan ucapan tidak baik, cacian, kata-kata yang berbentuk nista dalam bilik darjah maya harus ditangani secara serius. Tetapi penting juga bagi para pendidik untuk memahami tekanan unik yang dihadapi oleh para pelajar ketika itu iaitu mereka berusaha untuk belajar di tengah pandemik global yang secara tidak langsung memberi kesan kepada minoriti dan kekurangan yang sudah ada. Akibat dijangkiti wabak Covid 19, peristiwa seperti kehilangan pekerjaan ibu bapa atau penyakit atau kematian satu-satunya orang yang disayangi menjadi trauma pada pelajar yang sama (Loewenberg,2020).

Pengajaran dan pembelajaran perlu diteruskan untuk kesinambungan ummah walaupun terkesan dengan wabak COVID-19 yang melanda. Allah telah mengurniakan fleksibiliti seperti pembelajaran atas talian ini yang merupakan tarbiah pengajaran dan pembelajaran yang perlu dihargai oleh pelajar. Disiplin diri yang tinggi dan rasa tanggungjawab amat dituntut dalam pembelajaran atas talian ini. Pensyarah boleh menggunakan pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian seperti *Whatsapp, Google Classroom, Zoom, Webex, YouTube* dan sebagainya (Mohd Salleh, 2020). Menurut Ahmad Najmi (2017), menyuarakan pendapat beliau bahawa walaupun Pendidikan begitu mudah dipelajari, pelajar-pelajar harus mengerti bahawa kefahaman Pendidikan yang berteraskan Islam adalah berkonsepkan kepada pendidikan iman, moral dan budi pekerti yang tinggi. Ahmad Najmi (2017) juga menyatakan bahawa konsep ini seiring seperti yang disebutkan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Sorotan Kajian

Banyak kajian yang telah dilakukan dalam menguji etika dan peradaban dalam pdp secara atas talian. Antaranya adalah 'Adlina Bt. Abdul Khalil Mohamad Khairi B. Hj. Othman Mohd. Kasri B. Saidon (2020) mengkaji untuk melihat bagaimana penerimaan para pensyarah dan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi terhadap Revolusi Industri 4.0 dan bagaimana nilai-nilai Islam dimasukkan dalam konteks pengajaran agar ia selari dengan ajaran Islam dalam mengejar arus pembangunan teknologi dilakukan. Tujuan pengajaran juga perlu jelas iaitu pensyarah menjadi pembimbing, menggalakkan pelajar mengambil bahagian dalam

aktiviti di bilik kuliah serta dapat menguasai kemahiran yang diperlukan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa para pensyarah dan pelajar bersedia menghadapi perubahan teknologi kerana mereka sentiasa mengikuti perubahan teknologi terkini.

Dalam kajian yang berasingan, Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar, MPd., Dr. Usono, MA, Eka Yusnaldi, M.Pd., Ikwan Lubis SE, MM (2021) mengenalpasti pendidikan bersepadu dari sudut falsafah Pendidikan dan juga mengenalpasti perkembangan pendidikan Islam bersepadu terkini dan cabarannya di Malaysia. Selain itu, kajian ini mengenalpasti amalan pendidikan bersepadu sewaktu era pandemic covid 19 dari sudut pedagogi di Malaysia. Kajian mendapati bahawa sikap cakna pendidik yang beriman amat perlu dalam mencorak Pendidikan Islam agar pelajar- pelajar muslim berbudi pekerti luhur,menepati sifat-sifat *mahmudah* yang digariskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah dalam menjalani pembelajaran atas talian. Dalam mencorakkan negara dalam era pandemik COVID-19, sifat *mahmudah* sememangnya perlu untuk diintegrasikan bersama teknologi pembelajaran sejarah dengan ilmu yang bermanfaat atau ilmu aqli dan naqli sebagaimana yang telah dijelaskan dalam artikel kajian ini.

Manakala Mohd Nor Mamat (2006) mengkaji apakah sebenarnya e-learning? sesuaikah aplikasi e-learning untuk semua peringkat pengajaran dan pembelajaran? adakah peranan guru sebagai pendidik atau semata-semata pengurus maklumat, isu ketercapaian matlamat pendidikan manusia dan sebagainya. Kajian merumuskan konsep dan pendefinisian terhadap realiti aplikasi pembelajaran elektronik di Malaysia.

Muhammad Hazwan Johari, Amirul Syafiq Baharuddin, Siti Suhaila Ihwani (2019) membincangkan mengenai beberapa kepentingan media sosial terhadap masyarakat terutama sekali masyarakat Islam dan kesannya yang menyumbang keruntuhan nilai akhlak seseorang Muslim sekiranya mereka menggunakan medium ini ke arah yang negatif.

Etika dan Peradaban Pdp Secara Atas Talian Berlandaskan Nas

Di dalam kehidupan, manusia sentiasa berhubung dan berkomunikasi di antara satu sama lain. Manusia mempunyai hubungan dengan maha penciptanya iaitu Allah SWT, dengan sesama manusia dan dengan alam sekitar. Atas dasar perhubungan inilah menjadi keperluan setiap individu Muslim itu kepada nilai moral, akhlak dan etika yang baik yang mana berlandaskan ajaran Islam supaya hubungan antara mereka ini boleh dijaga dan sekaligus boleh mewujudkan satu hubungan persaudaraan dan mahabbah. Nilai moral dan akhlak manusia ini akan menjadi satu perkara yang amat penting untuk diterapkan di dalam diri setiap individu kerana ia boleh mengawal perilaku manusia itu dalam menguruskan aktiviti sehari-hari mereka.

Nilai murni ini mestilah dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat sekeliling agar dapat mengurangkan krisis dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai contoh, kes mencuri, merempit, penagihan dadah dan sebagainya. Dalam konteks pdp secara atas talian pula, para pelajar hendaklah mengamalkan nilai baik ini agar tidak terpesong daripada objektif sebenar aplikasi atas talian itu diwujudkan. Sebagai contoh, pdp secara atas talian juga memerlukan satu garis panduan atau standard etika yang bertauliah atau dalam erti kata lain syumul dimana ia bersifat menyeluruh dari semua aspek bagi mengawal tatatertib dan tingkah laku pelajar dalam penggunaan aplikasi atas talian tersebut terutamanya umat Islam. Hal ini dapat melahirkan pelajar yang dicontohi dengan keluhuran budi dan akal yang suci lagi murni umumnya bagi umat Islam. Terdapat beberapa etika yang berlandaskan nas supaya dapat dirujuk oleh umat Islam dalam pdp secara atas talian.

Nilai Murni

Nilai murni merupakan satu nilai yang baik dimana dapat mewujudkan keharmonian, kekuatan, dan pembangunan mestilah memberi perhatian atau membuat kajian terlebih dahulu atas apa maklumat yang disebarluaskan itu, sama ada perkara itu memberi nilai kebaikan kepada masyarakat ataupun sebaliknya. Hal ini kerana, dengan mengamalkan nilai murni ini dapat membimbing pelajar dalam menjalankan pdp secara atas talian dengan betul tanpa melanggar undang-undang yang ditetapkan. Firman Allah SWT:

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baikbaik yang dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang ditetapkan halalnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.* (Surah al-Maaida, 5: 87)

Nilai-nilai dibahagikan kepada dua bahagian:¹

- i. Nilai-nilai agama dan ketuhanan: seperti beriman kepada Allah SWT, beriman kepada risalah-Nya, beriman kepada pembalasan yang adil di akhirat dan juga harapan serta perasaan yang timbul sebagai hasil keimanan; seperti mencintai Allah SWT dan mengharapkan rahmat-Nya, merasa takut terhadap hukuman-Nya, berserah diri kepada-Nya dan ikhlas dalam melakukan amal untuknya.
- ii. Nilai-nilai kemanusiaan, seperti nilai kebebasan, kemuliaan, keadilan, penjagaan nurani, sikap seimbang dan sederhana, sikap menghormati hak-hak manusia, mengaku asas persamaan seluruh manusia, menyayangi kaum yang lemah dan nilai-nilai indah lainnya.

Oleh itu, nilai murni dalam menjalankan pdp secara atas talian dapat menyebarkan banyak kebaikan sekali gus dapat mengeratkan hubungan silaturahim sesama manusia di muka bumi ini dan meningkatkan amalan hormat-menghormati antara satu sama lain.

Nilai Moral

Nilai moral adalah nilai asas dalam pembinaan individu dan masyarakat (Ismail, A. M. & Jasmi, 2016; Jasmi, Kamarul Azmi, 2016, 2017b; Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2004). Hal

ini dapat membendung keburukan dan meningkatkan kebaikan dalam kehidupan

masyarakat untuk bersosial sekali gus dapat menegakkan kebenaran atas sesuatu kesalahan yang dilakukan. Pelajar haruslah menyedari bahawa moral setiap individu yang baik akan melahirkan masyarakat yang cemerlang dan berdaya saing. Firman Allah SWT:

¹ *Ibid*

**289 Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob, Nor Musfirah Mohamad,
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, and Muhammad Dhiya'ul
Hafidh Fatah Yasin**

Maksud: *Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.*
(Surah al-*Imran*, 3: 104)

Nilai moral merupakan cara melihat dan menilai sesuatu isu berhubung dengan sesuatu tingkah laku contohnya ialah isu berhubung dengan pembelajaran berdasarkan pandangan jagat dan budaya sesuatu masyarakat. Perbuatan yang serupa dilihat dari sudut yang berlainan berdasarkan nilai yang dipegang oleh masyarakat yang berbeza. Nilai moral membicarakan persoalan yang betul atau salah, apa yang perlu dilakukan atau ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu dan dalam keadaan tertentu. Pertimbangan nilai moral bergantung kepada suasana atau keadaan yang membentuk individu. Contohnya ialah sistem sosial, kelas sosial, kepercayaan, dan juga termasuk agama yang dianuti oleh setiap individu.² Nilai-nilai dibahagikan kepada dua bahagian:³

- i. Nilai-nilai agama dan ketuhanan: seperti beriman kepada Allah SWT, beriman kepada risalah-Nya, beriman kepada pembalasan yang adil di akhirat dan juga harapan serta perasaan yang timbul sebagai hasil keimanan; seperti mencintai Allah SWT dan mengharapkan rahmat-Nya, merasa takut terhadap hukuman-Nya, berserah diri kepada-Nya dan ikhlas dalam melakukan amal untuknya.
- ii. Nilai-nilai kemanusiaan, seperti nilai kebebasan, kemuliaan, keadilan, penjagaan nurani, sikap seimbang dan sederhana, sikap menghormati hak-hak manusia, mengaku asas persamaan seluruh manusia, menyayangi kaum yang lemah dan nilai-nilai indah lainnya.

Kesimpulannya, nilai moral dapat memberi kesedaran terhadap seseorang individu untuk

² Yusuf Al-Qardawi (1998), *Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam*. Mufti Labib dan Arsil Ibrahim (terj.), Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h.xxiv

³ *Ibid*

menjadi seorang manusia yang berguna kepada masyarakat lantas dapat menegakkan kebenaran atas sesuatu kejahanan yang dilakukan oleh orang lain.

Nilai Etika

Masyarakat yang menyemai nilai etika dalam diri merupakan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab moral dan sosial. Hal ini dapat melahirkan individu dalam kalangan masyarakat yang mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Islam sebagai contoh menyediakan asas etika dan akhlak yang baik untuk diamalkan oleh semua peringkat manusia di zaman moden ini. Rasulullah merupakan contoh tauladan terbaik yang boleh diikuti oleh semua masyarakat sekarang dalam setiap perkara bermula dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya. Firman Allah SWT menyatakan bahawa:

Maksud: *Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.*
(Surah *al-Qalam*, 68: 4)

Menurut kamus dewan⁴ etika dibahagikan kepada dua maksud iaitu ilmu bukan prinsip-prinsip akhlak atau moral dan prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan, dll). Etika berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *ethics*. Perkataan *ethics* berasal daripada perkataan Greek iaitu *ethos* yang membawa maksud sikap atau adat yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan. Etika terbahagi kepada dua iaitu:

- i. *Normatic* iaitu panduan dan peraturan berkaitan dengan tingkah laku yang baik dan jahat.
- ii. *Mataethic* terbahagi kepada dua iaitu *analitik* yang berfungsi menganalisis semua peraturan yang berkaitan dengan tingkah laku baik dan buruk, dan *kritikal* yang berfungsi untuk mengkritik terhadap apa-apa yang sudah

⁴ Noresah (2007), *op.cit*, h.401

**291 Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob, Nor Musfirah Mohamad,
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, and Muhammad Dhiya'ul
Hafidh Fatah Yasin**

dianalisis. Tujuannya ialah untuk memperkuatkan lagi etika.⁵

Sebagai contoh, nilai asas etika yang berlandaskan Islam adalah seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatonah. Sifat-sifat ini wajib diperlakukan dalam kehidupan masyarakat Islam hari ini dimana sifat Siddiq bermaksud “benar”. Masalah ketagihan pornografi di internet mahupun media sosial dapat dibendung sekiranya masyarakat sentiasa memastikan setiap tindakan yang dilakukan benar berdasarkan konsep Siddiq. Selain itu, sifat amanah adalah sebagai asas untuk mengajar masyarakat sentiasa melakukan kerja-kerja dengan hati yang ikhlas. Pelajar menjalankan pdp secara atas talian yang amanah akan sentiasa memastikan segala maklumat yang disampaikan adalah benar dan tepat. Hal ini dilakukan adalah untuk mengelak sebarang fitnah dan gosip terus berleluasa (Jasmi, Kamarul Azmi, 2006). Di samping itu, sifat tabligh pula dapat memastikan amalan kebaikan yang dilakukan akan sentiasa berterusan dan mencegah diri daripada melakukan kejahanan. Akhir sekali, sifat Fatonah adalah sifat yang dinyatakan sebagai bijaksana. Hal ini bermaksud dengan adanya sifat ini dalam diri masyarakat terutamanya menjalankan pdp secara atas talian, ia dapat mendorong masyarakat supaya berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu yang diterima atau didengar. Oleh itu, sekiranya semua sifat ini berjaya disemai dalam jiwa masyarakat maka asas sesebuah nilai etika dapat dikecapi dalam masyarakat Islam. Sesungguhnya kejayaan sesuatu bangsa itu sebenarnya ditentukan oleh akhlak yang ditanam didalam diri mereka.

Oleh itu, secara kesimpulannya etika, moral dan akhlak adalah sebenarnya memberikan maksud dan makna yang sama. Ini boleh dibuktikan berdasarkan kepada definisi etika menurut kamus dewan, ianya memberikan maksud prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Cuma yang membezakannya adalah dari segi seseorang individu mentakrifkannya mengikut fahaman dan pandangan masing-masing yang mana sebenarnya maksud yang hendak disampaikan adalah menunjukkan kepada makna yang sama iaitu tingkah laku atau perlakuan.

⁵Di ambil daripada Richard T. Garner, 1967 di dalam Mohd Liki Hamid (2002), *op. cit*, h.119

Nilai Kerohanian

Nilai kerohanian merupakan sifat atau nilai untuk meningkatkan daya ketahanan, kekuatan dan peribadi seseorang individu (Basiron & Mhod Shubari, 2015; Hamzah *et al.*, 2015; Hashim & Abdul Rahman, 2014; Jasmi, Kamarul Azmi *et al.*, 2017). Jiwa yang kental dan kuat akan mewujudkan masyarakat yang cemerlang dan unggul dengan nilai kerohanian yang mulia. Satu hadis ada menjelaskan daripada riwayat Sayyidina Nu 'man bin Bashir bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 52; Muslim, t.th.: 1599):

Maksud: *Ingatlah dan bahawasanya dalam jasad manusia itu ada seketul daging yang apabila baik daging itu, maka baiklah jasad keseluruhannya, dan jika rosak daging itu akan rosaklah jasad keseluruhannya, ingatlah, itulah dia hati.*
(Al-Bukhari dan Muslim)

Oleh itu, nilai kerohanian amatlah penting dalam kehidupan seseorang kerana sifat ini dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan sifat berdaya saing berjiwa kental dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Nilai Jujur

Nilai kejujuran ialah perkara asas yang perlu dilihat oleh masyarakat kerana sifat ini merupakan sifat penting untuk menentukan perlakuan seseorang individu. Sebagai contoh, amalan kebaikan dan kejahanan yang dilakukan oleh seseorang Muslim akan dinilai berdasarkan kepada keikhlasan dan kejujuran didalam hati. Perkara yang boleh dipraktikkan bagi menghindari diri daripada melakukan sesuatu yang salah disisi undang undang dan syara' adalah dengan memaparkan isi maklumat tersebut kepada umum selagi maklumat tersebut bersifat sahih untuk ditunjukkan dan disampaikan di media sosial. Hal ini kerana dapat membantu dalam mendidik seseorang Muslim daripada melakukan sesuatu kesalahan dan membina kejujuran diri. Firman Allah SWT:

**293 Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob, Nor Musfirah Mohamad,
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, and Muhammad Dhiya'ul
Hafidh Fatah Yasin**

Maksud: *Allah berfirman: "Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar".*

(Surah al-Maaida, 5: 119)

Oleh itu, nilai kejujuran adalah sifat yang patut ada dalam diri seseorang Muslim kerana hal ini dapat mencegah diri seseorang itu untuk menyebarkan fitnah dan tidak melakukan sesuatu perkara yang menyalahi undang-undang.

Cadangan

Dalam melakukan aktiviti pdp secara atas talian, setiap pelajar mestilah mempunyai nilai dan adab yang boleh menjadi panduan kepada setiap pelajar Muslim. Pelajar Muslim yang berjaya adalah pelajar yang mempunyai nilai dan adab yang baik dalam diri. Di sini, akan dihuraikan mengenai cadangan nilai dan adab di dalam aktiviti pdp secara atas talian;

1. Pensyarah boleh menggunakan pelbagai aplikasi atau platform digital yang bersesuaian boleh digunakan seperti *Whatsapp, Google Classroom, Zoom, Webex, YouTube* dan sebagainya (Mohd Salleh, 2020).
2. Ibubapa perlu memastikan anak-anak mereka memasuki kelas seperti yang telah dijadualkan dan tidak melakukan aktiviti yang lain semasa pdp secara atas talian berlangsung.
3. Pensyarah perlu menanda kehadiran dengan memanggil nama pelajar atau meminta pelajar mengaktifkan peranti kamera semasa pdp secara atas talian berlangsung.
4. Membuat persediaan sebelum kelas dimulakan. Pelajar digalakkan untuk membaca dan membuat pembacaan mengenai topik pelajaran yang akan dibincangkan. Jika ada

latihan yang diberikan, pastikan pelajar menyiapkan terlebih dahulu.

5. Menyediakan alatan atau bahan-bahan yang diperlukan sebelum memulakan sesi pembelajaran dalam talian. Dengan persediaan rapi, pelajar akan lebih bersedia untuk menuntut ilmu.
6. Berpakaian kemas. Dengan berpakaian kemas dan menutup aurat pelajar akan lebih bersedia untuk menuntut ilmu.
7. Hadir tepat pada waktunya. Ini dapat mengelakkan daripada pensyarah dan rakan-rakan pelajar yang lain menunggu seterusnya menghilangkan rasa minat untuk belajar.
8. Menggunakan nama penuh. Apabila pelajar menyertai kelas dalam talian, pastikan nama yang digunakan adalah nama penuh, ia akan memudahkan pensyarah untuk mudah mengenal pasti murid dan berinteraksi dua hala dengan pelajar.
9. Elakkan bermain-main. Elakkan daripada makan, minum, tidur, tidak menjaga kedudukan dengan baik, bermain-main dengan telefon semasa pensyarah mengajar kerana ia menunjukkan perbuatan yang tidak beradab.
10. Membuka peranti kamera semasa tempoh pembelajaran. Semasa kelas dalam talian dijalankan, adalah lebih baik para pelajar membuka peranti kamera agar pensyarah yang mengajar dapat melihat pelajar.
11. Tutup peranti suara ketika pensyarah mengajar. Jika peranti suara terpasang, mungkin mungkin ada bunyi-bunyi tambahan yang muncul dan yang membimbangkan adalah bunyi itu akan menganggu rakan-rakan dan pensyarah yang lain.

**295 Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob, Nor Musfirah Mohamad,
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, and Muhammad Dhiya'ul
Hafidh Fatah Yasin**

12. Memberi respon dan berinteraksi dengan baik. Pelajar perlu memastikan agar seratus peratus perhatian diberikan kepada pensyarah yang mengajar. Jika pensyarah bertanyakan soalan, segeralah memberi maklum balas dan menjawab soalan yang dikemukakan.
13. Mengucapkan terima kasih apabila tamat kelas. Tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada pensyarah setelah tamat kelas. Dengan sepotong ucapan terima kasih, menunjukkan bahawa pelajar menghargai penat lelah pensyarah yang mengajar.

Kesimpulan

Prinsip dan nilai moral amatlah penting dalam kehidupan seharian manusia. Nilai moral ini perlu dijaga dan diterapkan tidak kira apa jantina, peringkat umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan seseorang, pangkat dan sebagainya. Tetapi sebagai seorang Muslim yang mempunyai agama, setiap perlakuan hendaklah berpandukan kepada perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagai pelajar Muslim sepatutnya melakukan aktiviti pdp secara atas talian berdasarkan kepada etika, nilai moral dan prinsip dalam menuntut ilmu yang mana semestinya berlandaskan kepada larangan dan ajaran agama Islam itu sendiri. Sekiranya aktiviti pdp secara atas talian dijalankan dengan etika, nilai moral, prinsip dan nilai agama secara seiring, nescaya semua pelajar boleh mencapai mahabbah dan kejayaan bukan sahaja di dunia malah juga di akhirat.

Agama merupakan faktor yang penting dalam memandu sikap dan perilaku setiap Muslim. Tanpa agama yang baik, manusia akan mempunyai iman yang kurang dan ini sekaligus akan menyebabkan manusia akan sentiasa melakukan kesalahan. Pendidikan agama hendaklah dipelajari di dalam kehidupan setiap Muslim sama ada secara formal ataupun tidak. Agama juga adalah penting untuk para pelajar Muslim kerana ia boleh memandu mereka dalam menuju kepada kejayaan yang diberkati. Pelajar yang menjalankan aktiviti pdp secara atas talian dengan tatasusila dan moral yang tinggi adalah merupakan seseorang yang sangat-sangat disukai bukan sahaja oleh Allah SWT malah juga disukai oleh sesama manusia. Hubungan antara manusia dengan

pencipta, manusia dan alam hendaklah dijaga supaya beroleh rahmat dan ketenangan.

Antara etika-etika yang perlu ada di dalam setiap individu Muslim ialah sifat kejujuran, amanah, nasihat, adil dan lain-lain lagi. Secara kesimpulannya, matlamat utama kepada aktiviti pdp secara atas talian bagi setiap pelajar adalah untuk melahirkan insan yang berkualiti bagi segala aspek spiritual, fizikal, emosi dan intelektual disamping mencapai kesempurnaan pembelajaran yang maksimum dan memperolehi kejayaan yang diberkati dan bagi pelajar Muslim matlamatnya hanyalah satu iaitu untuk mencapai kejayaan (*al-falah*) di dunia dan di akhirat.

Beberapa isu di bawah seharusnya diberi perhatian dalam memelihara agar adab dan etika pdp secara atas talian terus berlangsung dalam suasana yang sewajarnya; **Pdp secara atas talian:**

1. Adalah suatu bentuk medium bersifat interaktif.
2. Adalah untuk pemantapan bukannya penggantian. Ia seharusnya adalah nilai tambahan (Value Added) dan komplimentari kepada tradisional.
3. Adalah solusi terbaik bagi permasalahan; keselesaan ruang, kos, konsistensi, pengkayaan sumber, perulangan dan pengekalan sepanjang hayat.
4. Adalah solusi untuk pembelajaran, pencarian ilmu, kursus berterusan sepanjang hayat.
5. Adalah lebih menjurus pemindahan ilmu secara global berbanding mendidik secara lokal.
6. Adalah Subset kepada Pengurusan ilmu (Knowledge Management).
7. Bukanlah bersifat pendidikan secara langsung.
8. Perlu difahami tanpa prejudis kepada medium elektronik selain multimedia dan internet.
9. Yang terbaik adalah berkonsepkan integrasi (sepadu) atau *blended*.
10. Menjadikan pembelajaran tradisional lebih baik (Better Than The Best).

Penghargaan

Penyelidikan ini adalah daripada hasil Geran Penyelidikan Jangka Pendek (STG). Nombor geran penyelidikan: STG-033 di bawah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), dan seterusnya pengkaji merakamkan ucapan terima kasih kepada Kolej Universiti Islam Perlis atas geran penyelidikan ini.

**297 Ku Mohd Syarbaini bin Ku Yaacob, Nor Musfirah Mohamad,
Muhammad Muthi'ul Haqq Fatah Yasin, and Muhammad Dhiya'ul
Hafidh Fatah Yasin**

BIBLIOGRAFI

`Adlina Bt. Abdul Khalil, Mohamad Khairi B. Hj. Othman, Mohd. Kasri B. Saidon (2020) *ISLAMIYYAT 42(Issu Khas) 2020: 13 - 20* Memacu Pendidikan di Era Revolusi Industri 4.0: Penerapan Nilai-Nilai Islam dan Inovasi dalam Pengajaran di Institusi Pengajian Tinggi.

Ahmad Mohd Salleh, (2008). Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Ghebreyesus, A. (2020). WHO Director-General's Opening Remarks at the Media Briefing on COVID-19-11 March 2020. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/whodirector-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>

Iman Abdul Mukmin Sa'aduddin (2006), *Meneladani Akhlak Nabi Membangun Keperibadian Muslim*. Dadang Sobar Ali (terj.), Bandung: PT remaja Rosdakarya.

José G. Vargas-Hernández, et al. (2010), "An Exploration of the Affects of Islamic Culture on Entrepreneurial Behaviors in Muslim Countries, *Asian Social Science* Vol. 6, No. 5, pp; 120-127.

Loewenberg, A. (2020). School Discipline in the Age of COVID-19 <https://www.newamerica.org/education-policy/edcentral/school-discipline-age-covid-19/>

Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar, MPd., Dr. Usino, MA, Eka Yusnaldi, M.Pd., Ikwan Lubis SE, MM(2021) ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) Volume 4 (1) January 2021, ISU TERKINI PENDIDIKAN ISLAM DI ERA PANDEMIK COVID 19 DI MALAYSIA.

Mohd Liki Hamid (2002), *Pengajian Tamadun Islam*, c.2, Pahang: PTS Publications & Distributors.

Mohd Nasir Omar (1986), *Falsafah Etika: Perbandingan Pendekatan Barat dan Islam*. Bahagian hal ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri: Kuala Lumpur.

Mohd Nor Mamat (2006) Cabaran Keberkesanan E-Learning: Etika Tawhidik Sebagai Solusi.

Muhammad Hazwan Johari, Amirul Syafiq Baharuddin, Siti Suhaila Ihwani (2019) Media Sosial Dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam.

Thomasaon, A. (2020). University Of Washinton Cancels In Person Classes, Becoming First Major US. Institution to Do So Amid Coraviru Fears.

Yusuf al-Qardawi (2009), *Fiqh Ekonomi Islam*. Mohamad dahlan Haji Arshad (terj.), Kuala Lumpur: Blue-T Publication.